

SOP SEMAIAN SAWI GIANT

FB : Azuan Abdullah

Page : Sahabat Kebun Anda

Website : agromall.asia

Hari Lepas Semai (HLS)	KERJA / AKTIVITI	JENIS INPUT			STANDARD KUALITI & INDIKATOR	TINDAKAN	CATATAN
		BAHAN	JENIS	KADAR			
0	Menyemai.	Bekas semaian	Tray semaian		Diameter saiz lubang 4 cm x lebar lubang 4 cm		Boleh gunakan apa apa bekas seperti bekas sarang telur, cawan plastik dan lain lain.
		Media semaian	Peat Moss		Peatmoss tidak terlalu basah dan tidak terlalu kering. Bila genggam tak keluar air, buka genggam tak hancur.	1. Peatmoss dimasukkan ke dalam lubang tray semaian hingga penuh limpah. Jangan tekan peatmoss. Hentakkan tray ke lantai secara perlahan 2 kali. Ratakan peatmoss tadi.	Pastikan peatmoss betul betul hancur sebelum dimasukkan ke dalam tray semaian.
		Benih	Sawi Giant	1-2 biji / 1 lubang tray	Guna biji benih yang berkualiti	2. Letak biji benih ditengah tengah lubang tray. 1-2 biji benih untuk setiap lubang.	Biji benih tak perlu rendam.
						3. Tekan biji benih tadi dengan hujung jari. Kedalamannya lebih kurang 0.5 cm. Jika terlalu dalam, benih akan lambat cambah.	Pastikan kedalaman adalah sama supaya percambahan benih jadi seragam.

Hari Lepas Semai (HLS)	KERJA / AKTIVITI	JENIS INPUT			STANDARD KUALITI & INDIKATOR	TINDAKAN	CATATAN
		BAHAN	JENIS	KADAR			
0	Menyemai.	Benih	Sawi Giant	1-2 biji / 1 lubang tray	Guna biji benih yang berkualiti	4. Tutup kesan lubang yang ditekan tadi dengan peatmoss. Tabur je atas lubang tu dan jangan tekan. Ratakan semula peatmoss tersebut dengan hati-hati supaya kedudukan benih tidak terusik dan bergerak.	Jika kedudukan biji benih berubah, ia boleh menyebabkan benih tumbuh tak seragam dan tak sekata.
						5. Spray media dalam tray dengan air kosong. Saya guna spray tangan je. Setting nozzel tu supaya keluar semburan kabus. Spray cukup cukup basah sahaja.	Media tu tak nak terlalu basah lencun ya. Risiko benih "lemas" atau berkulat nanti.
						6. Bungkus bekas semaian dengan plastik. Biarkan selama 2 hari 2 malam dan simpan di tempat teduh. Proses ini dinamakan "heating".	Pastikan tray dibungkus dengan betul supaya wap air dan udara tak dapat keluar / masuk.

Hari Lepas Semai (HLS)	KERJA / AKTIVITI	JENIS INPUT			STANDARD KUALITI & INDIKATOR	TINDAKAN	CATATAN
		BAHAN	JENIS	KADAR			
2	Buka "Heating"	Tray semaian	Sawi Giant	2 Hari (48) jam selepas semai.	Biji benih dah mula cambah.	Buka bungkusan dengan hati hati. Jika media kering, spray dengan air kosong. Letakkan tray ditempat asal (redup).	Jika heating dibiarkan 3 hari, benih akan bercambah tinggi macam taueh. lanya tak elok untuk ditanam.
3	Pendedahan kepada cahaya matahari.	Anak benih dalam tray semaian	Sawi Giant	Mula dedah pada hari ke 3 hingga boleh tanam.	Semua anak benih dah cambah.	Rendam tray semaian dalam takungan beberapa minit. Bila media dah basah sepenuhnya, keluarkan tray dan letak tray tersebut dikawasan yang kena cahaya matahari secara terus.	Untuk elakkan anak benih stress, proses ini dibuat waktu petang. Eloknya selepas pukul 3 petang.
3 Hingga 7	Siraman Semaian		Air bersih ----- Takung / Besen		Pastikan media basah sepenuhnya.	Rendam tray semaian dalam takungan beberapa minit. Bila media dah basah sepenuhnya, keluarkan tray dan letak tray tersebut ditempat asal (tempat yang kena cahaya matahari).	Proses ini dibuat 1-3 hari sekali bergantung pada kelembapan media dan cuaca semasa.

Hari Lepas Semai (HLS)	KERJA / AKTIVITI	JENIS INPUT			STANDARD KUALITI & INDIKATOR	TINDAKAN	CATATAN
		BAHAN	JENIS	KADAR			
8	Kawalan Perosak & Penyakit		Air bersih		Anak benih subur dan sihat. Tiada kesan serangan perosak dan penyakit.	Masukkan air bersih ke dalam bekas penyembur. Saya guna spray tangan kapasiti 1 liter.	
			Cuka Kayu	2 ml / 1 liter air		Tambahkan 2 ml cuka kayu untuk setiap 1 liter air ke dalam bekas penyembur tersebut.	Nisbah penggunaan cuka kayu bergantung kepada jenama cuka kayu. Ikut seperti yang disyorkan di label.
			Biopesticid	2 ml / 1 liter air		Tambahkan 2 ml biopesticid untuk setiap 1 liter air ke dalam bekas penyembur tersebut.	Nisbah penggunaan biopesticid bergantung kepada kepekatan formulasi yang disediakan.
			Spray tangan	1 liter air + 2 ml cuka kayu + 2 ml biopesticid		Semburan kabus dibuat pada permukaan daun dan bawah daun anak benih. Eloknya kawalan ini dibuat pada waktu pagi.	Boleh juga guna mana - mana racun organik atau racun kimia yang sesuai.
12							

Hari Lepas Semai (HLS)	KERJA / AKTIVITI	JENIS INPUT			STANDARD KUALITI & INDIKATOR	TINDAKAN	CATATAN
		BAHAN	JENIS	KADAR			
8 Hingga 14	Siraman Semaian		Air bersih ----- Takung / Besen		Pastikan media basah sepenuhnya.	Rendam tray semaian dalam takungan beberapa minit. Bila media dah basah sepenuhnya, keluarkan tray dan letak tray tersebut ditempat asal (tempat yang kena cahaya matahari).	Proses ini dibuat 1-3 hari sekali bergantung pada kelembapan media dan cuaca semasa.
15	Menanam	Anak benih	Sawi Giant	1 pokok 1 point. Jarak antara pokok 8 -12 inci.	Anak benih yang subur, tegak dan tiada serangan perosak & penyakit. Anak benih ada daun antara 4-6 helai.	Tanam anak benih hingga paras daun yang paling bawah sekali.	Disyorkan tanam waktu petang untuk elakkan pokok stress dan layu.